

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-51

TAHUN 2008

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya kita dapat menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-51 pada tahun ini dalam suasana yang aman damai dan sejahtera. Inilah detik yang terbaik bagi kita mengenang kembali sejarah kemerdekaan Negara yang telah berjaya melepaskan diri daripada cengkaman penjajah. Nikmat yang sedang kita kecapi pada ketika ini bukan diperoleh dengan cara yang mudah tetapi hasil daripada pengorbanan dan perjuangan para pemimpin kita pada masa lampau. Selaku rakyat Malaysia, kita

harus berbangga kerana negara kita telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pada hari ini , negara kita telah membangun dengan pesat serta mendapat pengiktirafan dunia sebagai sebuah negara yang paling maju dalam kelompok negara-negara membangun.

2. Pada hari ulang tahun sambutan kemerdekaan ini, marilah kita sebagai rakyat Malaysia bertekad dan mengekalkan keazaman serta bersatu padu untuk mempertahankan kemerdekaan yang kita miliki. Untuk mengekalkan keharmonian, kita hendaklah bersatu padu, bekerjasama, bertoleransi, saling memahami tanggungjawab kita sebagai rakyat yang berbilang kaum dan agama. Di samping itu, semangat setia kawan juga memainkan peranan penting dalam memupuk semangat perpaduan tanpa mengira warna kulit, darjat, keturunan dan agama. Kita dapat hidup dalam keadaan harmoni dan makmur ibarat seberkas rotan akan menjadi teguh apabila diikat dengan rapi.

3. Kemerdekaan negara tidak akan berarti sekiranya kita masih dibelenggu oleh masalah sosial. Perbuatan seperti vandalisme, merempit, membuli, penagihan najis dadah dan sebagainya dapat dibendung sekiranya murid-murid mempunyai akhlak yang mulia dan berperibadi tinggi. Hari ini, masalah nilai akhlak menjadi krisis sejagat dan global. Maka dengan bimbingan dan pengajaran guru, murid boleh mengamalkan nilai-nilai yang baik dan tidak bertentangan dengan agama, budaya, adab sopan, moral dan disiplin sekolah. Perkara inilah yang diharapkan oleh ibu bapa, masyarakat dan negara untuk dilaksanakan oleh para pendidik supaya dapat melahirkan murid yang cemerlang dalam pelajaran dan pada masa yang sama mengamalkan pekerti yang mulia.

4. Sesungguhnya akhlak yang mulia, perpaduan dan keharmonian rakyat dalam negara yang berbilang kaum ini menjadi agenda utama dalam pembangunan pendidikan negara. Maka generasi muda terutamanya murid-murid dengan bimbingan guru perlulah mempersiapkan diri sekarang untuk memimpin negara pada masa

akan datang. Murid-murid perlu mempunyai sikap berdikari dan tidak senantiasa bergantung kepada orang lain untuk mencapai kejayaan dan tidak mudah pula terpengaruh dengan sebarang perkara negatif. Murid-murid perlu mengambil contoh pejuang-pejuang negara pada masa lalu yang sanggup berkorban demi kebebasan dan kesenangan generasi akan datang. Kita perlu mengambil iktibar bahawa semua yang diperjuangkan oleh mereka, semata-mata untuk memastikan generasi akan datang tidak mengalami penderitaan seperti yang ditanggung oleh mereka pada masa dahulu.

5. Kenikmatan yang kita kecapai selepas kemerdekaan tidak akan membawa makna sekiranya rakyat kurang berpengetahuan. Saya amat berharap agar semua warga sekolah mengamalkan budaya membaca. Membaca penting kerana berupaya menambah ilmu pengetahuan dan penguasaan bahasa, sekali gus dapat meningkatkan prestasi akademik murid-murid. Bacalah bahan-bahan yang berkualiti, bernilai tinggi dan bermaruah demi

persiapan diri untuk kecemerlangan. Membaca jambatan ilmu dan ilmu pula ibarat suluh yang menerangi jalan yang membawa kita kepada kebahagiaan. Tanpa suluh, sudah pastilah kita akan terabara dan sesat di dalam kegelapan. Oleh itu pupuklah amalan membaca dan belajarlah rajin-rajin demi masa depan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

6. Selain berilmu dan berpengetahuan, murid juga perlu aktif dalam kegiatan kokurikulum yang bertujuan membentuk diri pelajar yang seimbang. Menerusi aktiviti kokurikulum murid dapat diterapkan dengan nilai-nilai yang positif seperti berdisiplin, bersemangat patriotik, bekerjasama, bertanggungjawab, memimpin, serta mampu mengeluarkan pendapat. Murid-murid perlu mengambil peluang daripada kemudahan prasarana dan program yang disediakan untuk menceburi dan bergiat aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan di sekolah dan di peringkat yang lebih tinggi. Adalah menjadi harapan negara agar modal insan yang

dilahirkan memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di samping berketrampilan dari segi sahsiah dan personalitinya.

7. Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ini, marilah kita sama-sama menghayati tema kemerdekaan “Malaysiaku Gemilang’ dan memperkukuh keazaman untuk menghadapi dan mengatasi sebarang cabaran yang mendatang. Kita mestilah kembali ke arah pembentukan sahsiah dan jati diri yang bermaruah, berdisiplin, berdaya saing dan berwawasan agar tamadun bangsa Malaysia sentiasa mendapat pengiktirafan dan menjadi ikutan masyarakat dunia. **Isilah kemerdekaan tersebut dengan bijaksana.** Jadikanlah diri kita warga negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

MALAYSIAKU GEMILANG.

MERDEKA...MERDEKA...MERDEKA...

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabaratuh

MATAN PERUTUSAN
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN NEGARA KE-51
TAHUN 2008

1. Bersyukur kerana berpeluang menyambut hari kemerdekaan Negara ke-51.
2. Semangat setiakawan memupuk perpaduan.
3. Masalah sosial dapat dibendung melalui akhlak mulia dan peribadi tinggi.
4. Penerapan akhlak mulia dan sikap berdikari dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian rakyat..
5. Penguasaan ilmu, Amalan membaca untuk memperoleh ilmu dalam kehidupan.
6. Kokurikulum untuk membentuk diri pelajar yang seimbang.
7. Menghayati hari kemerdekaan.